

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 27.08.2025 MASA: 11:54pg

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM SAMBUTAN SEMARAK MERDEKA MBSP
2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**29 OGOS 2025 (JUMAAT)
8.40 PAGI**

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT, MENARA BANDARAYA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid
Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

1. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini sempena **Program Sambutan Semarak Merdeka MBSP 2025.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir, khususnya barisan Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang sama-sama menjayakan majlis kita pada pagi ini.
3. Saya juga ingin menzahirkan rasa bangga dengan penyertaan seramai 20 kanak-kanak TASKA MBSP yang mengibarkan Jalur Gemilang serta persembahan koir 20 pegawai daripada beberapa jabatan MBSP. Syabas dan tahniah atas usaha yang menyemarakkan sambutan ini.
4. Ini merupakan tahun kedua MBSP menganjurkan sambutan pra kemerdekaan dengan tujuan memperkuuhkan penghayatan warga

kerja terhadap makna sebuah kemerdekaan. Sesungguhnya, penghayatan MERDEKA bukan hanya untuk dikenang pada tanggal 31 Ogos semata-mata, tetapi perlu dihayati dan dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari sebagai satu simbol penghargaan terhadap perjuangan pejuang terdahulu. Jika nilai ini tidak dipupuk sejak awal, sukar untuk kita mendidik generasi muda tentang erti kebebasan dan kedaulatan negara.

5. Pada tahun ini, negara kita Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-68 dengan tema “Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni” yang menekankan keseimbangan pembangunan fizikal dan rohani, berteraskan kemanusiaan, keadilan serta perpaduan masyarakat.
6. Tidak lengkaplah sambutan bulan kebangsaan ini tanpa kibaran Jalur Gemilang. Bendera ini bukan sekadar kain yang berwarna-warni, tetapi lambang kekuatan, maruah, kedaulatan dan perpaduan rakyat Malaysia. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan tradisi ini diteruskan dan diwarisi oleh generasi akan datang.
7. Program Semarak Merdeka MBSP 2025 yang kita adakan pada hari ini adalah satu wahana untuk membangkitkan semangat patriotisme warga MBSP. Semoga ia menjadi pemangkin semangat kerja berpasukan, pengukuhan tekad serta kesungguhan kita untuk terus

berkhidmat dengan penuh dedikasi demi kesejahteraan dan kemakmuran Seberang Perai.

8. Izinkan saya menyentuh tentang Misi MBSP @ Everest Base Camp 2025 yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi. Seperti mana kita sedia maklum, ini adalah misi ketiga anjuran MBSP bersempena ulang tahun Hari Bandaraya. Sebelum ini, kita telah menawan Gunung Kinabalu setinggi 4,095 meter pada tahun 2023 serta Gunung Tahan setinggi 2,187 meter pada tahun 2024.
9. Pada tahun ini, cabaran lebih tinggi menanti iaitu pendakian ke *Everest Base Camp* setinggi 5,384 meter di Nepal. Disertai seramai 10 peserta, terdiri daripada empat (4) kakitangan MBSP dan enam (6) wakil komuniti luar, misi ini bukan sekadar ekspedisi fizikal tetapi turut menjadi simbol semangat pantang menyerah serta tekad warga Seberang Perai.
10. Objektif utama misi ini adalah untuk mengibarkan bendera MBSP di puncak pangkalan Everest, namun lebih besar daripada itu, ia merupakan medan pembinaan jati diri yang menuntut ketahanan fizikal, mental dan emosi serta memupuk disiplin dan semangat setiakawan.
11. Saya berharap agar kontinjen yang terpilih dapat membawa nama baik MBSP dengan penuh tanggungjawab, berjuang dengan

semangat waja dan mengharumkan nama Seberang Perai di persada antarabangsa. Jadikanlah misi ini sebagai inspirasi bahawa tiada puncak yang terlalu tinggi untuk ditawan apabila kita memiliki kesungguhan, disiplin dan keyakinan diri.

12. Sebagai Datuk Bandar, saya menaruh harapan tinggi agar semangat kemerdekaan yang kita raikan pada pagi ini serta semangat juang yang bakal ditunjukkan melalui misi pendakian nanti akan terus menyemarakkan nilai kebersamaan, keberanian dan kecemerlangan dalam diri seluruh warga kerja MBSP.
13. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menghayati bulan kemerdekaan ini dengan penuh rasa cinta kepada tanah air dan terus bekerja keras untuk memastikan Seberang Perai kekal sebagai sebuah bandar raya yang sejahtera, lestari dan mampan.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*